

**D.R. 28/98**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1998.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 17**

2. Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 [*Akta 110*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 17—

(a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Jawatankuasa Tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah" dengan perkataan "Pihak berkuasa tatatertib berkenaan dengan Ketua Pengarah ialah Jawatankuasa Tatatertib yang";

- (b) dengan menggantikan subseksyen (8) dan (9) dengan subseksyen yang berikut:

"(8) Sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) boleh dirayukan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang ditubuhkan di bawah seksyen 17A.

(9) Sesuatu keputusan Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (3) boleh dirayukan kepada Menteri."; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (9) subseksyen yang berikut:

"(10) Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

(11) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri di bawah subseksyen (10) adalah muktamad dan konklusif."

### **Seksyen baru 17 A dan 17B**

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

**“Penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib.** 17A. (1) Maka hendaklah ada suatu Lembaga Rayuan Tatatertib Lembaga yang hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

(a) Pengerusi, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tatatertib itu dan hendaklah mempunyai undi pemutus; dan

(b) tiga orang ahli Lembaga, yang bukan ahli Jawatankuasa Tatatertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tataertib itu dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(2) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib menimbangkan sesuatu rayuan yang dibuat di bawah seksyen 17, seseorang ahli Jawatankuasa Tatatertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga ahli Lembaga tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding berhubungan dengan rayuan itu.

Penamatan  
demi  
kepentingan  
awam.

17B. (1) Jika Lembaga mendapati atau jika representasi dibuat kepada Lembaga bahawa adalah wajar perkhidmatan seseorang pegawai atau penjawat ditamatkan demi kepentingan awam, Lembaga boleh meminta laporan penuh daripada pegawai atasan pegawai atau penjawat yang terhadapnya representasi itu dibuat yang hendaklah mengandungi butir-butir berhubungan dengan kerja dan kelakuan pegawai atau penjawat itu.

(2) Jika, setelah menimbangkan laporan yang diterima di bawah subseksyen (1), Lembaga berpuas hati bahawa setelah mengambil kira syarat-syarat perkhidmatan, kebergunaan pegawai atau penjawat itu, kerja dan kelakuan pegawai atau penjawat itu dan segala hal keadaan lain kes itu, adalah wajar demi kepentingan awam untuk berbuat demikian, Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai atau penjawat itu mulai dari tarikh yang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(3) Adalah sah di sisi undang-undang bagi Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan untuk mengesyorkan kepada Lembaga supaya perkhidmatan seseorang pegawai atau penjawat itu ditamatkan demi kepentingan awam walaupun prosiding tatatertib belum dijalankan di bawah Akta ini dan Lembaga boleh menamatkan perkhidmatan pegawai atau penjawat itu sedemikian.

(4) Walau apa pun apa-apa jua dalam Akta ini dan mana-mana undang-undang lain yang berlawanan, dalam menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai atau penjawat demi kepentingan awam di bawah seksyen ini, pegawai atau penjawat itu tidak perlu diberi apa-apa peluang untuk didengar dan seseorang pegawai atau penjawat yang perkhidmatannya telah ditamatkan demi kepentingan awam di bawah seksyen ini tidak boleh dianggap telah dibuang

kerja, tanpa mengira sama ada penamatan perkhidmatan pegawai atau penjawat itu melibatkan suatu unsur hukuman atau berkaitan dengan kelakuan yang berhubungan dengan jawatannya yang dianggap oleh Lembaga tak memuaskan atau patut disalahkan."

### **Pindaan Jadual Kedua**

4. Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda dalam perenggan 1—

(a) dengan memotong perkataan "dan" di hujung subperenggan (l),

(b) dengan menggantikan subperenggan (m) dengan subperenggan yang berikut:

"(m) menetapkan prosedur bagi prosiding tatatertib yang hendaklah memberi orang yang terhadapnya prosiding tatatertib diambil peluang membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh Jawatankuasa Tatatertib kecuali dalam hal-hal yang berikut:

(i) jika seseorang pegawai atau penjawat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;

(ii) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau

(iii) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau penjawat Lembaga apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan terhadap seseorang pegawai atau penjawat Lembaga apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainya, di bawah mana-mana

undang-undang berhubung dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhadap buang negeri, imigresen atau perlindungan wanita dan gadis; dan";

(c) dengan memasukkan selepas subperenggan (m) subperenggan yang berikut:

"(n) prosedur bagi pendengaran rayuan oleh Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri."; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan 1 perenggan yang berikut:

"1A. Bagi maksud perenggan 1 (m), "pegawai" termasuklah Ketua Pengarah.".

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 ("Akta 110").

2. *Fasal 1* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara permulaan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 110 untuk mengadakan peruntukan mengenai rayuan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib atau Menteri terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17 A ke dalam Akta 110 untuk mengadakan peruntukan mengenai penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib. *Fasal 3* juga bertujuan memasukkan seksyen baru 17B untuk mengadakan peruntukan bagi penamatan perkhidmatan pegawai atau penjawat Lembaga demi kepentingan awam.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda perenggan 1 Jadual Kedua Akta 110 untuk mengadakan peruntukan bahawa dalam hal keadaan tertentu peluang untuk membuat representasi tidak perlu diberikan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.